

17 MAY 1996

PERDANA MENTERI TEMUI PRESIDEN FILIPINA

TOKYO, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan Presiden Filipina Fidel Ramos di sini pagi ini.

Kedua-dua pemimpin, yang akan berucap pada persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia di sini tengah hari ini, bertemu selama 45 minit.

Dr Mahathir diiringi Duta Malaysia ke Jepun Datuk H.M Khatib manakala Ramos diiringi Menteri Luar Domingo Siazon Jr dan Menteri Perdagangan dan Industri Rizalino Navarro.

Pada pertemuan itu Ramos menghadiahkan kepada Dr Mahathir sebuah buku yang ditulis olehnya bertajuk "Our Time Has Come" yang diterbitkan dua bulan lepas.

Dr Mahathir juga akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara konsortium Malaysia, Premier Choice Sdn Bhd dengan Nichiei Seiki Steel hari ini.

Beliau dijadual mengadakan persidangan berita untuk wartawan Malaysia petang ini dan berlepas ke Amerika Syarikat petang esok.

-- BERNAMA

TCL NJ AHH